

PM: Malaysia perlukan kerajaan kuat, berani buat keputusan

SANTUBONG 8 Julai — Malaysia memerlukan kerajaan yang kuat dan berani dalam membuat keputusan bagi memastikan pembangunan pesat yang dinikmati sekarang berterusan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebagai sebuah negara membangun adalah penting rakyat terus memberi sokongan padu kepada kerajaan agar ia dapat berfungsi dengan baik dan mengelak ketidakstabilan yang merugikan negara.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan yang kuat akan berani membuat keputusan biarpun ia tidak popular contohnya menaikkan kadar cukai untuk meningkatkan pendapatan negara.

"Pembangunan pesat yang berlaku sekarang adalah disebabkan oleh kerajaan yang kuat, atas sebab itu rakyat perlu terus sokong kerajaan sama ada di negeri mahupun pusat," ujarnya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ke-10 di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri merangkap Yang Dipertua PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, barisan pemimpin kanan kerajaan negeri serta kira-kira 1,200 perwakilan dari 62 bahagian.

Dr. Mahathir berkata, ada pihak mendakwa demokrasi di negara ini hanya akan wujud jika kerajaan seringkali bertukar seperti mana yang berlaku di beberapa negara lain.

"Bagi kita, selagi majoriti rakyat menyokong BN, maka BNlah yang perlu jadi kerajaan kerana demokrasi di sini (Malaysia) ialah parti yang mendapat sokongan majoriti yang memerintah," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa pembangunan pesat negara bukanlah usaha beliau seorang tetapi berkat para pemimpin terdahulu yang telah meletakkan asas kepada sistem perkongsian kuasa dan seterusnya memupuk keharmonian kaum.

Katanya, pencapaian itu adalah kejayaan yang sangat besar ertinya bagi sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia dan sewajarnya semangat perpaduan yang dibentuk itu diteruskan.

Menurutnya, bermula dengan jasa Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang menyatupadukan orang Melayu menerusi UMNO, rakyat pelbagai kaum di negara ini kemudian bersatu pula di bawah parti Perikatan dan membentuk kerajaan campuran anjuran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Beliau memberitahu, dua Perdana Menteri berikutnya, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn turut memberikan sumbangan tersendiri termasuk memberi tumpuan pada membasmi kemiskinan di luar bandar.

Dr. Mahathir berkata, beliau terhutang budi dan berterima kasih kepada mereka kerana telah meletakkan asas pembangunan dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini pada landasan yang betul.

"Saya hanya melaksanakan apa yang telah dicipta dan telah disusun oleh orang yang lebih awal ini," ujarnya.

Seperti juga beliau berterima kasih pada para pemimpin terdahulu, Dr. Mahathir turut berharap rakyat berbuat demikian kepada kerajaan yang selama ini telah banyak memberikan sumbangan kepada mereka.

Pada masa yang sama, beliau tidak mahu rakyat terpengaruh dengan Pas kerana cuba menyelitkan unsur yang bertentangan dengan nilai murni kemanusiaan menerusi kempen supaya rakyat tidak berterima kasih atau bersyukur atas sumbangan kerajaan.